




# UNDANG-UNDANG KELUARGA & PROSEDUR



Penyunting  
**NAJIBAH MOHD ZIN et. al**



SIRI ISU-ISU MAHKAMAH SYARIAH

# Undang-Undang Keluarga dan Prosedur

*Ketua Penyunting*  
Najibah Mohd Zin

*Sidang Penyunting*  
Azizah Mohd  
Mohd Hisham Mohd Kamal  
Nora Abdul Hak  
Norliah Ibrahim  
Normi Abdul Malek  
Roslina Che Soh@Yusoff  
Tajul Aris Ahmad Bustami

**Jabatan Undang-Undang Islam**  
Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
&  
**Pusat Undang-Undang Harun M. Hashim**  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

2009

6. **Melindungi Hak-Hak Anak Tak Sahtaraf: Peruntukan di bawah Undang-undang di Malaysia** 47  
Dr. Azizah Mohd
7. **Anak Tak Sahtaraf: Perlindungan dan Kebajikan** 73  
Pn Rosmaini Ahmad

**BAHAGIAN III**  
**NAFKAH DAN HADANAH: HAK SEORANG ANAK**

8. **Hak Jagaan Anak/Hadanah Menurut Undang-Undang Islam & Pelaksanaannya di Malaysia** 87  
Normi Abdul Malek
9. **Hak Kanak-kanak dalam Aspek Hadanah: Prinsip-prinsip yang Digunakan oleh Mahkamah dalam Tuntutan Hadanah, Pelaksanaan dan Permasalahan** 106  
Abu Bakar Ahmad
10. **Hadanah dalam Kes-kes Pertukaran Agama** 121  
Zulkifly Muda
11. **Hak Kanak-kanak dari Aspek Nafkah: Menurut Undang-undang Keluarga Islam** 137  
Nora Abdul Hak
12. **Hak Kanak-kanak dari Aspek Nafkah: Perintah Mahkamah, Pelaksanaan dan Permasalahan** 149  
Zainor Rashid Hassin
13. **Prosedur *Mal* Mahkamah Syariah (Tuntutan Nafkah)** 162  
Ahmad bin Daud
14. **Nafkah Anak Terdampar yang Tidak Diketahui Ibu-Bapa atau Penjaganya (*Laqit*) dari Perspektif Islam dan Praktis di Malaysia** 178  
Azizah Mohd

## BAB 11

# HAK KANAK-KANAK DARI ASPEK NAFKAH: MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Nora Abdul Hak

### *Pengenalan*

Anak-anak adalah penyambung kehidupan ummah. Justeru itu, anak-anak perlu diberi belaian kasih sayang dan didikan yang paling sempurna oleh kedua-dua ibubapa. Ibubapa hendaklah benar-benar memahami tanggungjawab serta peranan masing-masing di dalam mendidik dan membimbing anak-anak mereka. Selain dari tugas utama ibubapa sebagai pendidik dan pembentuk sakhshiah anak-anak mereka untuk menjadi manusia berguna, ibubapa juga bertanggungjawab untuk menyediakan keperluan harian anak-anak mereka. Kanak-kanak bergantung sepenuhnya dari segi keperluan harian mereka kepada ibubapa. Menyediakan keperluan harian ini dikenali sebagai nafkah dalam Islam.

Nafkah adalah merupakan hak bagi orang yang dalam tanggungan seperti isteri dan anak-anak. Maksud nafkah di sini ialah hak keperluan untuk meneruskan kehidupan seperti hak untuk mendapat makanan, pakaian dan tempat tinggal dan juga termasuklah perkhidmatan yang lain seperti ubat, kenderaan dan sebagainya. Tanggungjawab menunaikan nafkah ini tidak berubah atau berpindah disebabkan oleh sesuatu keadaan sebagai contoh sekalipun isteri itu seorang yang kaya raya suami tetap diwajibkan menunaikan tanggungjawab ini. Menurut al-Qur'an, Sunnah dan juga pendapat ulama' nafkah adalah wajib. Dalam Islam seperti mana yang kita